

17 JAN 2003

Mahathir-Umno/I

TIADA SIAPA YANG KEKAL DALAM UMNO - DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tiada siapa yang kekal dalam Umno dan perubahan dalam kepimpinan akan dibuat jika perlu dilakukan.

Bagaimanapun, beliau berkata buat masa ini tiada rancangan tertentu untuk menukar kepimpinan Umno di negeri-negeri seperti yang dilakukan terhadap Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Tiada siapa yang kekal, jika terdapat keperluan untuk membuat perubahan kita akan rombak, bagaimanapun kita tiada rancangan tertentu untuk itu," katanya selepas melancarkan kemudahan sementara penyelidikan dan pembangunan InventQjaya di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, ditanya sama ada rombakan dalam kepimpinan Umno Kelantan juga akan melibatkan negeri lain .

"Jika saya tidak mampu lagi untuk menjalankan tugas saya, saya juga harus pergi. Jadi saya akan berundur. Jika saya boleh pergi, orang lain pun juga boleh," katanya.

Pada akhir lawatan dua harinya ke Kelantan semalam, Dr Mahathir mengumumkan rombakan besar dalam barisan jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri dengan timbalan pengerusi Datuk Annuar Musa dan tiga yang lain digugurkan.

Dengan berkata beliau menggunakan kuasanya sebagai presiden, Dr Mahathir menamakan peguam terkemuka Zaid Ibrahim, yang juga ketua bahagian Umno Kota Baharu, untuk mengambil alih tempat Annuar sementara mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai pengerusi Umno negeri.

Turut dilantik ialah timbalan ketua bahagian Umno Bachok dan pengerusi Tenaga Nasional Datuk Dr Awang Adek Hussin, yang menggantikan Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman, sebagai bendahari; timbalan ketua bahagian Tumpat Nawawi Jusoh yang menggantikan Tuan Hashim Tuan Yaakob (ketua bahagian Kubang Kerian) sebagai setiausaha perhubungan dan timbalan ketua bahagian Peringat Che Alwi Che Ahmad mengambil alih sebagai ketua penerangan daripada Ismail Mamat (ketua bahagian Machang).

Ditanya sama ada perubahan dalam kepimpinan Umno Kelantan itu merupakan petunjuk bahawa pilihan raya umum sudah hampir, beliau berkata: "Saya akan beritahu anda bila tiba pilihan raya diadakan."

Ditanya lagi mengenai bila beliau bercadang mengadakan pilihan raya beliau berkata: "Saya tidak perlu memberitahu kamu."

InventQjaya merupakan kemudahan sementara penyelidikan dan pembangunan di Cyberjaya untuk membawa masuk teknologi baru oleh Reveo, syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

AFY HS JK RON